

FUNGSI LEKSIKAL “BUNGA” DALAM SIMPULAN BAHASA DAN PERIBAHASA BAHASA MELAYU

Salinah Jaafar

Abstrak

Bahasa Melayu kaya dengan pepatah dan simpulan bahasa yang digunakan bagi menggambarkan pelbagai perkara dan peristiwa. Penggunaan simpulan bahasa sebagai salah satu cara yang halus dalam memperkatakan sesuatu telah menjadikan bahasa Melayu sebagai suatu bahasa yang unik dan indah. Setiap patah perkataan yang digunakan dalam simpulan bahasa dan peribahasa mempunyai nilai estetika dan fungsi leksikal yang tersendiri. Berbeza dengan penggunaan bahasa sehari-hari, pemilihan bentuk kata yang digunakan dalam simpulan bahasa dan peribahasa amat berkait rapat dengan alam pemikiran masyarakat Melayu yang sentiasa menggunakan unsur alam sebagai bahan atau perlambangan dalam memperkatakan sesuatu. Kata “bunga” bukan sahaja mempunyai pelbagai maksud yang tersendiri, namun mampu memperlihatkan daya kekreatifan masyarakat Melayu mengaplikasikan konsep “bunga” dengan perilaku, benda, perkara dan peristiwa yang berlaku di sekitar kehidupan manusia. Kertas ini akan memperkatakan fungsi leksikal yang terkandung dalam perkataan “bunga” yang terdapat dalam simpulan bahasa dan peribahasa bahasa Melayu.

Abstract

Malay language has many ways in describing various things and events. Idiom is one of the very fine ways to say something which make the Malay language unique and beautiful. Every word chosen in idiomatic phrases has its own aesthetical and lexical functions. Different from the common words used in daily communication, the words chosen in idiomatic phrases are very much related to the way of thinking among the Malay people, who always refer to their surrounding world as a

symbolic way of telling something. The word "bunga" does not only carry its own lexical meaning, but also reveal the creativity of Malay traditional people in applying the concept of "bunga" with people's behaviours or attitudes, things, matters and events revolved around their life. This paper will discuss about the lexical functions of the word "bunga" used in Malay idiomatic phrases.

PENDAHULUAN

Bahasa Melayu kaya dengan frasa idiomatik, atau dengan kata lain, pepatah, peribahasa, kata perbilang, kiasan dan simpulan bahasa yang digunakan bagi menggambarkan pelbagai perkara dan peristiwa. Kesemua bentuk pepatah, peribahasa, kata perbilang, kiasan dan simpulan bahasa atau idiom merupakan satu cara yang halus dalam memperkatakan sesuatu yang tersurat atau yang tersirat, telah menjadikan bahasa Melayu sebagai suatu bahasa yang unik dan indah. Setiap patah perkataan yang digunakan dalam idiom mempunyai nilai estetika dan fungsi leksikalnya yang tersendiri. Berbeza dengan penggunaan dalam bahasa sehari-hari, pemilihan bentuk kata yang digunakan dalam idiom amat berkait rapat dengan alam pemikiran masyarakat Melayu yang sentiasa menggunakan alam sekeliling sebagai bahan atau perlambangan dalam memperkatakan sesuatu. Kata bunga bukan sahaja mempunyai pelbagai maksud yang tersendiri, namun mampu memperlihatkan daya kekreatifan masyarakat Melayu yang berjaya mengaplikasikan konsep bunga dengan perilaku, benda, perkara dan peristiwa yang berlaku di sekitar kehidupan manusia. Simpulan bahasa dan peribahasa merupakan komponen penting dalam mencorakkan nilai dan hati budi masyarakat Melayu tradisional.

Harun Mat Piah (1999:459) mengatakan bahawa peribahasa mengandungi nilai-nilai puisi yang penting, yang disusun dalam baris-baris tertentu dalam satu rangkap melalui pemilihan kata yang mengikut pertimbangan rima dan irama. Melalui penggunaan bahasa yang berirama menjadikan peribahasa dan simpulan bahasa satu madah yang indah didengar walaupun di dalamnya mengandungi sindiran atau pengajaran yang tidak mungkin dapat diluahkan dengan menggunakan bahasa biasa atau bahasa basahan. Penggunaan sumber alam yang sememangnya relatif dengan masyarakat Melayu tradisional mengindahkan lagi citra luahan perasaan dan kiasan dalam bahasa Melayu. Setiap pemilihan bentuk kata yang digunakan dalam peribahasa dan simpulan bahasa ini pula mengandungi fungsi leksikal yang tersendiri yang tentunya berbeza daripada fungsi leksikal kata yang dipilih

dalam bahasa biasa atau bahasa yang digunakan sehari-hari.

Fungsi Leksikal

Igor Melcuk (1996:38) mendefinisikan fungsi leksikal sebagai:

“Satu kaedah analisis formal yang direka bagi menghuraikan setiap jenis hubungan leksikal yang wujud antara setiap unit leksikal yang hadir dalam sesebuah teks, yang terkandung dalam bahasa secara sistematik, padat dan tepat”.

Berdasarkan definisi leksikal dan hubungannya dengan makna, fungsi leksikal dalam bahasa Melayu boleh ditakrifkan sebagai fungsi atau peranan sesuatu bentuk kata yang boleh dilihat melalui penggunaan sebenar kata tersebut dalam bahasa tanpa menghiraukan kekangan peraturan atau sistem yang telah disusun oleh ahli bahasa mengenai bahasa tersebut.

Fungsi leksikal ialah satu konsep yang digunakan bagi menghuraikan makna yang terkandung dalam sesuatu bentuk kata atau unit leksikal berdasarkan kewujudannya dalam ayat dan frasa. Melalui fungsi leksikal ini, makna dan penggunaan sesuatu bentuk kata akan difahami dengan lebih mudah oleh pengguna-pengguna bahasa. Bagi menjelaskan konsep fungsi leksikal ini, beberapa istilah perlu difahami, iaitu seperti kolokasi, konkordans, lema dan data korpus. Istilah-istilah tersebut mempunyai kaitan yang rapat dalam analisis fungsi leksikal sesuatu bentuk kata. Fungsi leksikal akan memperlihatkan kewujudan leksikal lain yang telah ditetapkan bagi sesuatu unit leksikal atau leksem. Huraian terhadap kewujudan unit leksikal lain yang telah ditetapkan boleh diubahsuaikan dalam definisi leksem, dan dengan mengikut peraturan tatabahasa.

Kolokasi

Elemen utama dalam menghuraikan konsep fungsi leksikal ini ialah kolokasi. Kolokasi akan memperlihatkan fungsi sebenar sesuatu unit leksikal dalam frasa atau ayat. Kewujudan kolokasi dalam frasa atau ayat dapat menunjukkan fungsi sebenar item leksikal yang dianalisis, terutama dalam pemprosesan bahasa tabii. Kolokasi ialah istilah yang digunakan bagi menghuraikan kehadiran atau kewujudan perkataan dalam sesuatu frasa. Kolokasi merujuk kepada hubungan makna antara kata yang terdapat dalam struktur sintagmatik, yang bermaksud hubungan makna antara kata yang wujud dalam sesuatu teks atau ayat yang sama. Hubungan sintagmatik perkataan dalam frasa atau ayat ini boleh dijelaskan seperti contoh peng-

gunaan perkataan bunga dalam ayat-ayat di bawah:

1. **Bunga** mawar itu merah dan cantik.
2. Aminah sangat suka dengan **bunga** kekwa.
3. Ali memetik tiga kuntum **bunga** raya.
4. Pokok **bunga** Mak Senah habis mati akibat cuaca panas.
5. Bank itu mengenakan kadar **bunga** yang tinggi.
6. Kereta Pak Abu terbabas kerana **bunga** tayarnya botak.

Hubungan perkataan bunga antara ayat 1 hingga 6 dikenali sebagai hubungan paradigmatic, manakala hubungan antara perkataan bunga dalam ayat 1, dengan perkataan yang berkolokasi dengannya seperti perkataan-perkataan *mawar, itu, merah* dan *cantik*, dikenali sebagai hubungan syntagmatic. Kolokasi tertumpu kepada hubungan makna yang wujud antara sesuatu bentuk perkataan dengan perkataan-perkataan yang lain yang hadir bersama perkataan tersebut dalam ayat.

Abdullah Yusof (2002) dalam artikel beliau yang bertajuk *Pemeriksaan Bahasa Melayu Melalui Data Korpus Berkomputer* ada menerangkan konsep kolokasi ini. Antaranya, beliau mengatakan bahawa maklumat semantik yang boleh didapati daripada kolokasi lebih terperinci berbanding dengan maklumat data yang terkandung dalam kamus. Ini kerana setiap bentuk kata akan memberikan makna yang berlainan apabila hadir dengan bentuk kata yang berlainan juga. Rosamund Moon (1998:26) mendefinisikan kolokasi dengan mengambil definisi oleh Sinclair (1991:170) sebagai “kewujudan dua atau lebih perkataan dalam lingkungan sempit antara satu sama lain di dalam teks”. Umumnya, kolokasi merupakan hubungan kewujudan sesuatu bentuk kata dalam sesuatu teks secara statistik tanpa mengira sama ada wujud hubungan semantik atau sebaliknya antara item yang berkolokasi. Walaupun kolokasi terikat dengan hukum semantik, namun dalam analisis fungsi leksikal, kolokasi dilihat berdasarkan kewujudannya dalam data korpus yang kadangkala ada bentuk-bentuk data yang tidak ada hubungan semantik tetapi hadir atau wujud penggunaannya dalam bahasa, misalnya *roti jala, kedai makan* merupakan dua bentuk kata yang saling berkolokasi walaupun antara kedua-duanya tidak mempunyai hubungan makna yang jelas jika diteliti.

Rosamund mengklasifikasikan kolokasi kepada tiga jenis, iaitu:

- (i) Kolokasi permukaan, bukti leksikal menunjukkan bahawa perkataan tidak wujud bersama secara rawak tetapi mengikut beberapa syarat dan prinsip bagi membolehkannya berfungsi

dalam bahasa. Kolokasi yang berlainan akan mewujudkan bentuk teks yang berlainan. Misalnya, *jem* akan hadir bersama dengan satu set leksikal makanan seperti *roti, tat, donat, aprikot, strawberi* dan sebagainya. Kolokasi seperti ini juga mungkin boleh membantu dalam ketaksaan perkataan yang berpolisemi.

- (ii) Kolokasi yang kedua merupakan kolokasi perkataan yang diperlukan dengan sesuatu kelas kata tertentu. Kolokasi ini juga kadangkala terikat dengan hukum tatabahasa dan semantik, seperti terdapat kata kerja yang perlu hadir bersama kata-kata tertentu bagi membolehkannya berfungsi dalam bahasa. Contohnya boleh dilihat dalam perkataan *minum* yang memerlukan cecair sebagai kolokasinya, seperti *minum air, minum susu, minum ubat* tetapi tidak boleh *minum roti* dan sebagainya. Perkataan yang berkolokasi dengan kata kerja tersebut dipanggil sebagai objek dan dalam konteks ayat, setiap struktur ayat memerlukan subjek dan predikat, maka bagi setiap bentuk kata yang hadir serentak adalah berkolokasi antara satu sama lain. Kolokasi yang ketiga merupakan kolokasi sintaktik, yang wujud apabila kata kerja, kata nama dan adjektif memerlukan komplemen dalam ayat. Kolokasi seperti ini dianggap sebagai penentu tatabahasa, bukannya tatabahasa yang menentukan kolokasi. Misalnya *terima kasih banyak* yang mempunyai kekangan tertentu, iaitu *terima kasih* hanya boleh hadir bersama *banyak* sahaja. Tidak mungkin *terima kasih* hadir bersama *sedikit, besar* dan sebagainya.

Howard Jackson dan Etienne Ze Amvela (2000:113) telah menghuraikan kolokasi yang wujud antara kata dalam hubungan struktural. Berdasarkan hubungan struktural, kolokasi merujuk kepada hubungan sintagmatik, iaitu hubungan antara kata yang wujud dalam sesuatu teks atau ayat. Hubungan ini menunjukkan bagaimana makna yang wujud dalam sesuatu ayat akan berubah apabila kata-kata yang berkolokasi diubah. Mereka mengambil perkataan "*kettle*" sebagai contoh huraian kolokasi struktural. Kata nama "*kettle*" merujuk kepada suatu perkakas yang digunakan untuk memanaskan air. Apabila kata "*kettle*" wujud dalam ayat, perkataan ini akan sering diiringi oleh kata kerja "*boil*": *I'll just boil a kettle; Is the kettle boiling yet?* Kewujudan "*kettle*" dan "*boil*" secara serentak mempunyai darjah kekerapan yang tinggi, ini kerana antara dua bentuk perkataan tersebut akan melengkapkan makna antara satu sama lain.

Kolokasi yang wujud dalam hubungan struktural ini mudah difahami

kerana hubungan struktural merupakan hubungan antara perkataan yang selaras dengan sistem tatabahasa. Contohnya perkataan *nasi* yang merujuk kepada sejenis makanan ruji negara-negara tertentu. Hubungan kolokasi *nasi* dengan perkataan-perkataan lain boleh dilihat melalui penggunaannya dalam ayat. Misalnya dalam ayat *Kita makan nasi; Ibu memasak nasi di dapur; Nasi yang dimasak akan dimakan*. Jelas bahawa perkataan *nasi* akan sering diiringi oleh perkataan *masak* atau *makan* ataupun *masak* dan *makan*. Penelitian bentuk-bentuk kolokasi seperti ini penting dalam menghuraikan makna kata yang wujud dalam sesuatu bahasa dan seterusnya dapat menerangkan penggunaan perkataan tersebut dengan lebih mudah.

Michael Stubbs (2002:29) menghuraikan bahawa kewujudan sesuatu nodus kata boleh dilihat melalui urutan dari arah kiri dan kanan, seperti formula di bawah:

kolokasi...nodus...kolokasi
span

Nodus ialah bentuk kata atau lema yang dianalisis. Kolokasi ialah bentuk kata atau lema yang sering wujud seiring dengan nodus di dalam korpus. Apa yang dimaksudkan dengan nodus dan kolokasi bergantung pada fokus kajian yang hendak dibuat. Span ialah jumlah bentuk kata yang hadir sebelum dan selepas nodus, bentuk kata yang hadir di sebelah kanan dan bentuk kata yang hadir di sebelah kiri nodus. Kolokasi dianggap sebagai hubungan antara kata dalam satu garis lurus (andaian bahawa kewujudan sebelum dan selepas nodus dapat dikenal pasti). Garis lurus yang dimaksudkan ialah hubungan sintagmatik yang pernah diperkatakan oleh ahli linguistik tradisional. Melalui kolokasi, dapat dikenal pasti bagaimana kelainan bentuk sesuatu lema boleh memberikan makna yang berlainan dan bagaimana sesuatu lema yang berlainan boleh membawa makna yang lebih kurang sama.

Sylvain Kahane (2001) telah menghuraikan kolokasi dari perspektif Teori Makna Teks. Menurut beliau, kolokasi ialah ekspresi linguistik yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua komponen, iaitu:

- (a) Unit dasar kolokasi: unit leksikal bebas yang dipilih oleh penutur bahasa secara arbitrari, unit leksikal yang menjadi konstituen utama penutur. Misalnya *makan* merupakan unit dasar bagi frasa *makan nasi*, *makan suap*; *makan besar*; *makan nasi goreng*; *sedang makan*; *belum makan*, manakala dalam morfologi, *makan* menjadi unit dasar kepada bentuk-bentuk kata terbitan seperti *makanan*,

pemakanan, dimakan dan sebagainya.

- (b) Kolokat (*collocate*): unit leksikal atau multileksikal yang dipilih secara arbitrari bagi meluahkan maksud yang terdapat dalam struktur tatabahasa terhadap unit dasar yang dipilih. Kolokat inilah yang dikenali sebagai kolokasi, iaitu unit leksikal yang wujud dalam sesebuah wacana bagi menyampaikan sesuatu maksud, seperti *makan* yang boleh hadir bersama-sama dengan kata nama, kata kerja, dan kata adjektif seperti dalam frasa *makan besar, makan angin, makan tuan, makan nasi di rumah, tak makan*, dan sebagainya.

Beliau turut mengatakan bahawa secara semula jadinya terdapat kepelbagaian dalam menjelaskan kolokasi. Sesetengah unit leksikal berdasarkan beratus-ratus kolokasi yang boleh mewujudkan pelbagai makna yang berbeza dalam pelbagai struktur sintaksis. Bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang kolokasi, perlu dilihat bagaimana derivasi makna memainkan peranan dalam unit leksikal. Hubungan makna asas kolokasi dianggap berlaku secara sintagmatik yang seterusnya boleh dihuraikan dalam hubungan paradigmatik.

Umumnya, derivasi semantik terdiri daripada:

- (1) Sinonim/antonim.
- (2) Kelas kata yang meliputi kata kerja, kata nama dan kata adjektif.
- (3) Nama bagi perkara atau benda yang berkaitan, misalnya *jenayah* mempunyai kaitan dengan *mangsa, penjenayah, alat penjenayahan* dan sebagainya. Sesetengah derivasi semantik ini pula tidak mempunyai kaitan morfologi, seperti *jenayah* dan *mangsa*, tetapi *jenayah* dan *penjenayahan* mempunyai kaitan dari segi morfologi.

Kolokasi yang wujud dalam peribahasa atau simpulan bahasa merupakan satu bentuk kolokasi yang terikat, iaitu hanya terdapat bentuk-bentuk kata tertentu sahaja yang boleh hadir bersama sesuatu unit leksikal bagi menghuraikan maknanya yang tersendiri. Rosamund Moon (1998:02) menamakan bentuk kolokasi terikat ini sebagai *fixed expression*, yang terangkum di dalamnya bentuk-bentuk frasa terikat lain seperti *proverbs, sayings, simile* dan *idioms*. Bentuk ini dianggap terikat kerana peribahasa dan simpulan bahasa merupakan satu bentuk penggunaan bahasa yang telah lama wujud dalam sesuatu bahasa yang diturunkan dari satu generasi ke satu generasi tanpa mengalami perubahan bentuk dan fungsinya. Peribahasa dan simpulan bahasa hanya dapat kita temukan dalam bentuk-bentuk koleksi lama, yang disusun kembali.

Konkordans

Kamus Dewan (2005:815) mendefinisikan konkordans sebagai;

“*Senarai kata dlm korpus (buku, majalah, dsb) yg disusun mengikut abjad yg mengatakan kedudukan sesuatu kata, cara penggunaannya dlm bahagian korpus yg berkenaan*”.

Konkordans ialah istilah yang digunakan bagi merujuk kepada koleksi teks yang dikumpulkan dalam bank data. Konkordans amat penting dalam membicarakan fungsi leksikal kerana melalui konkordans akan dapat diteliti penggunaan sesuatu unit leksikal dalam sesuatu bahasa. Umumnya, dalam konkordans yang terkandung dalam data korpus ialah contoh penggunaan unit leksikal dalam satu kapasiti yang luas yang dapat menunjukkan penggunaan sebenar sesuatu unit leksikal tanpa melibatkan kekangan peraturan tatabahasa.

Data Korpus

Istilah *data korpus* merupakan istilah yang digunakan bagi merujuk kepada himpunan teks, sama ada teks lisan ataupun tulisan, yang dimasukkan dalam program komputer yang diubahsuai untuk kegunaan kajian linguistik (Renouf A., 1987:01). Sinclair (1991:03) mengatakan bahawa data korpus ialah dokumentasi bahasa yang dikumpulkan dalam bentuk teks yang digunakan untuk kajian bahasa. Maka, data korpus bolehlah disimpulkan sebagai koleksi teks yang terkandung dalam sesuatu bahasa yang meliputi penggunaan lisan dan tulisan yang kini sudah pun wujud dalam bentuk data komputer. Data korpus merupakan himpunan atau koleksi data yang menyeluruh, yang meliputi pelbagai laras dan bidang ilmu yang berkaitan dengan penggunaan bahasa.

Kamus Dewan (1994:707) mentakrifkan korpus sebagai “himpunan makalah (tulisan dan sebagainya) mengenai sesuatu perkara tertentu atau kumpulan bahan untuk kajian (seperti kumpulan contoh penggunaan kata dll)”. Namun demikian, dalam linguistik moden, *korpus* mempunyai pengertian tambahan sebagai bahan yang “terbacakan dan terolahkan komputer”. Data korpus boleh bersumberkan bentuk tulisan atau lisan. Bagaimanapun, pengumpulan data korpus di Dewan Bahasa dan Pustaka masih tertumpu pada bahan tulisan daripada buku, majalah, surat khabar, monograf, dokumen, kertas kerja, surat, risalah dan sebagainya. Setiap jenis wacana ini dikumpulkan dalam subkorpus yang berasingan. Saiz mutakhir (sehingga 30 Ogos 2003) Pangkalan Data Korpus yang terdapat di Dewan

Bahasa dan Pustaka adalah lebih kurang 95 juta perkataan yang terkandung dalam 10 subkorpus seperti yang berikut:

Idiom dalam Bahasa Melayu

Idiom dalam bahasa Melayu terdiri daripada beberapa jenis yang boleh dikenal pasti dengan bentuk kata yang tersendiri. Secara keseluruhannya, bentuk-bentuk idiom dalam bahasa Melayu ialah seperti yang berikut:

1. Peribahasa.
2. Simpulan Bahasa.
3. Perumpamaan.
4. Kiasan dan Bidalan.
5. Kata Perbilangan dan Pepatah.

Peribahasa dan Simpulan Bahasa

Kamus Dewan (1996:1018) mentakrifkan peribahasa sebagai:

“Ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian tertentu, bidal, pepatah: *pegangan mereka yang teguh kepada* ~ “*biar mati anak jangan mati adat*”, *sudah cukup menerangkan kebudayaan mereka.*

Kamus Besar Bahasa Indonesia (1999:755) mendefinisikan peribahasa sebagai:

1. Kelompok kata atau kalimat yang tetap susunannya dan biasanya mengiaskan maksud-maksud tertentu (dalam peribahasa termasuk juga bidal, ungkapan, perumpamaan); 2. Ungkapan atau kalimat-kalimat ringkas padat, yang berisi perbandingan, perumpamaan, nasihat, prinsip hidup atau aturan tingkah laku.

Manakala simpulan bahasa diberi takrif dalam *Kamus Dewan* (1996: 1283) di bawah entri *simpulan* sebagai:

“Ungkapan yang terdiri daripada dua perkataan atau lebih dan mempunyai makna yang berlainan daripada erti perkataan-perkataan yang membentuknya (seperti *kaki ayam* dan lain-lain)”

Tidak ditemukan entri berkenaan dengan simpulan bahasa dalam *Kamus Besar Bahasa Indonesia*.

Takrif sebenar peribahasa dan simpulan bahasa tidak banyak ditemukan

selain yang terdapat dalam kamus. Cuma terdapat beberapa pendapat ahli bahasa seperti Za'ba yang mendefinisikan peribahasa sebagai susunan kata yang pendek dengan makna yang luas, mengandungi kebenaran, sedap didengar dan bijak perkataannya. Peribahasa diklasifikasikan pula kepada beberapa bahagian, iaitu:

1. Peribahasa selapis yang terdiri daripada pepatah, bidalan dan kata perbilangan.
2. Peribahasa berlapis yang terdiri daripada perumpamaan.
3. Lidah Pendeta.

Manakala simpulan bahasa pula didefinisikan sebagai ungkapan yang telah mantap dan mempunyai maksud yang khusus yang berbeza daripada makna harfiah seperti yang terdapat dalam kata-kata ungkapan. Za'ba juga mengatakan bahawa simpulan bahasa wujud dalam empat keadaan, iaitu:

- (a) Berdasarkan perbandingan atau kiasan yang dipetik daripada cerita tradisional seperti *Abu Jahal*, *Mat Jenin*, *Lebai Malang*, *Pak Kaduk* dan sebagainya.
- (b) Berdasarkan benda atau kejadian yang berlaku di depan mata atau di sekeliling masyarakat Melayu seperti *mandi kerbau*, *mata duitan*, *kutu embun*, *durian runtuh* dan lain-lain.
- (c) Berdasarkan perbuatan atau amalan orang ramai seperti *buruk siku*, *dimakan bulan* dan sebagainya.
- (d) Berdasarkan kebiasaan atau resam bahasa seperti *ada hati*, *gila bahasa*, *beri muka* dan sebagainya.

Berdasarkan takrif dan definisi peribahasa dan simpulan bahasa di atas, boleh dikatakan bahawa peribahasa ialah rangkai kata yang berbentuk frasa atau ayat yang digunakan bagi menyampaikan sesuatu maksud secara halus, manakala simpulan bahasa pula boleh dikatakan sebagai rangkai kata yang terdiri daripada frasa singkat yang telah mantap bentuknya yang melambangkan maksud tertentu.

Perumpamaan

Perumpamaan merupakan satu cabang peribahasa yang mengandungi maksud tersurat dan tersirat. Perumpamaan boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu perumpamaan tersurat, yang sering kali didahului oleh perkataan seperti *laksana*, *seperti*, *bagai*, *bak*, *ibarat*, *umpama* yang merupa-

kan perbandingan kepada sesuatu benda, perkara atau peristiwa yang dimaksudkan dan perumpamaan tersirat, iaitu menyatakan maksud tanpa melibatkan perbandingan. Contohnya seperti *alang-alang menyeluk pekasm biar sampai ke pangkal lengan, kalah jadi abu, menang jadi arang, beri betis mahu paha*.

Kiasan dan Bidalan

Kiasan dan bidalan juga merupakan satu daripada peribahasa yang terdapat dalam bahasa Melayu, namun berbanding dengan simpulan bahasa dan perumpamaan, kiasan atau bidalan membawa maksud dua lapis, iaitu terdapat perbandingan dalam bentuk ungkapan yang digunakan. Misalnya, *kalau kail panjang sejengkal, laut dalam jangan diduga; sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan; malu berkayuh perahu hanyut, malu bertanya sesat jalan*. Jelas bahawa dalam bidalan tersebut terdapat maksud yang mendalam yang sering kali digunakan bagi menasihati seseorang secara halus dan penuh bermakna.

Pepatah dan Kata Perbilang

Pepatah dan kata perbilang merupakan satu bentuk peribahasa yang mempunyai struktur yang hampir sama dengan kiasan dan bidalan, cuma pepatah dan kata perbilang lebih bersifat puitis yang disusun dalam satu rangkap yang panjang. Kata perbilang lebih merupakan susunan perkataan atau frasa yang dicipta bagi sesuatu adat istiadat, hukum atau undang-undang ataupun peraturan yang harus dipatuhi. Kata perbilang ini boleh dilihat digunakan dalam upacara atau adat istiadat yang berkait rapat dengan masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan.

Fungsi Peribahasa dalam Bahasa Melayu

Peribahasa merupakan satu wadah yang digunakan oleh masyarakat Melayu dalam menyampaikan sesuatu maksud dengan cara yang halus, tersusun dan indah. Peribahasa menunjukkan bagaimana masyarakat Melayu tradisional begitu teliti dalam memilih perkataan bagi memperkatakan sesuatu tanpa menyentuh hati atau perasaan orang yang mendengarnya. Keunikan pemilihan perkataan dalam peribahasa menunjukkan bahawa masyarakat Melayu sememangnya mementingkan adab sopan dan budi bahasa ketika berbicara.

Secara umum, peribahasa dalam bahasa Melayu berfungsi sebagai satu media untuk menyampaikan mesej tertentu yang melambangkan jati diri masyarakat Melayu itu sendiri. Melalui peribahasa kita dapat melihat bagaimana masyarakat Melayu mengolah kehidupan manusia berdasarkan alam sekeliling yang mampu memberikan pendidikan dan bimbingan kepada masyarakat dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Fungsi utama peribahasa adalah sebagai memberikan nasihat atau pengajaran kepada masyarakat Melayu tradisional yang boleh mencorakkan nilai budi dalam menjaga hubungan dan komunikasi sesama manusia. Pemilihan perkataan yang begitu kreatif bukan sahaja dapat menghasilkan satu rentak bunyi yang indah, bahkan mengandungi makna yang mendalam yang juga dapat memberikan kesan yang mendalam kepada pendengarnya. Pepatah seperti *berguru kepalang ajar, bagai bunga kembang tak jadi* memberi nasihat supaya apabila berguru atau menuntut ilmu, harus dibuat sehingga tamat, andai kata berlaku sebaliknya, maka akan sia-sialah masa yang diambil semasa menuntut ilmu tersebut.

Peribahasa juga berfungsi sebagai peringatan kepada manusia tentang kehidupan. Misalnya dalam peribahasa *bunga pun gugur, putik pun gugur, tua pun gugur, masak pun gugur*, jelas bahawa dalam ungkapan peribahasa ini memberikan maksud yang mendalam, iaitu walaupun muda, manusia tetap ada yang mati, tua pun akan mati, maksudnya kematian itu tidak mengenal usia tua ataupun muda. Ungkapan ini bertujuan memberi nasihat kepada umat manusia agar sentiasa beringat bahawa dalam kehidupan, nyawa manusia boleh hilang pada bila-bila masa sahaja.

Selain itu, peribahasa juga berfungsi sebagai satu cara yang halus bagi menyampaikan kata-kata yang berbentuk sindiran. Contohnya *seperti beri bunga dibalas tahi* yang digunakan bagi menggambarkan perbuatan yang baik tetapi mendapat balasan yang sebaliknya, manakala ungkapan *seperti kera mendapat bunga; laksana kodok mendapat bunga sekuntum* pula merupakan sindiran kepada seseorang yang mendapat sesuatu benda yang tidak bersesuaian dengan dirinya sendiri.

Peribahasa juga berfungsi sebagai khazanah dan warisan bahasa dan bangsa Melayu yang tinggi nilainya. Melalui peribahasa, kita dapat melihat betapa kreatif dan tingginya nilai budi masyarakat Melayu tradisional yang kaya dengan kesopanan dan kesantunan. Jika dibandingkan dengan masyarakat Melayu kini, jelas bahawa dengan penggunaan bahasa yang indah oleh masyarakat Melayu tradisional bukan sahaja dapat menyatukan bahasa dan bangsa, bahkan dapat melahirkan satu masyarakat yang saling membantu, saling memahami, yang sentiasa bersatu dan bersama ketika

susah dan senang. Penggunaan bahasa yang indah dan halus ini bukan sahaja dapat mengeratkan tali silaturahmi, bahkan dapat menjaga hati sesama sendiri agar tidak berlaku pergaduhan atau perbalahan yang berpanjangan.

Robert Sibarani (2002:383) dalam kertas kerja beliau ada menyenaraikan fungsi peribahasa kepada tujuh, iaitu sebagai:

1. Nasihat.
2. Larangan.
3. Pembangkit semangat.
4. Pujian.
5. Pendidikan.
6. Sindiran.
7. Penglipur lara atau hiburan.

Peribahasa berfungsi sebagai nasihat yang umumnya ditujukan kepada golongan yang lebih muda atau orang yang lebih kurang sebaya dengan pembicara. Berfungsi sebagai larangan bagi menjauhkan atau menghindari perkara-perkara yang kurang baik, seperti peribahasa *kalau kail panjang sejengkal, jangan lautan hendak diduga*. Peribahasa yang berfungsi sebagai semangat pula ialah bentuk peribahasa yang digunakan bagi menaikkan kembali semangat seseorang yang sedang membuat sesuatu pekerjaan atau sedang dalam kesedihan, seperti yang terkandung dalam peribahasa *patah tumbuh hilang berganti; alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan*. Penggunaan peribahasa sebagai pujian pula selalunya digunakan bagi memuji kecantikan, keberanian atau kepandaian, seperti yang terkandung dalam peribahasa *seperti embun turun senja; hanya jauh hari mengenal manikam; seperti emas tahan diuji*. Peribahasa yang berfungsi sebagai pendidikan pula merupakan bentuk ungkapan yang difokuskan kepada anjuran hidup yang dapat digunakan sebagai pedoman, misalnya seperti *belakang parang diasah lagikan tajam, inikan pula manusia; berjalan peliharakan kaki, bercakap peliharakan lidah*. Manakala bentuk-bentuk peribahasa yang digunakan sebagai sindiran secara halus dapat dilihat dalam peribahasa *takkan ular lidi nak mengajar naga; indah khabar dari rupa; cacing hendak menjadi ular*. Sibarani (2002) juga mengatakan bahawa peribahasa dapat berfungsi sebagai penglipur lara dalam mengubat hati yang sedih dan gundah gulana seperti *berakit-rakit dahulu, berenang-renang kemudian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian*.

Selain fungsi-fungsi yang telah dibincangkan di atas, peribahasa sebenarnya memainkan banyak peranan dalam perkembangan bahasa Melayu yang menarik dan indah untuk dikaji dan diselidiki.

Makna Konsep dan Fungsi Leksikal “Bunga” dalam Simpuln Bahasa dan Peribahasa Melayu

Perkataan **bunga** secara umum dapat difahami sebagai satu bentuk kata nama yang membawa makna sebahagian daripada tumbuhan yang berwarna-warni yang muncul dari sesebatang pokok yang berfungsi sebagai hiasan ataupun sebelum sesuatu pokok mengeluarkan buah. *Kamus Dewan* (1996:188) mentakrifkan **bunga** sebagai:

Bunga 1. bahagian tumbuhan untuk pembiakan, biasanya berwarna terang dan berbau harum: ~ *jambu*; ~ *melati*; ~ *raya*; 2. lukisan (pada kain dan lain-lain); ~ *pamor* lukisan pada keris kerana waja putih yang ditempa pada bilah keris; 3. = ~ *tayar* bahagian permukaan tayar yang rupanya seperti hiasan (ukiran atau corak); 4. = ~ *wang* bayaran (tambahan) yang dikenakan ke atas atau diperoleh daripada wang yang dipinjamkan, keuntungan kerana meminjamkan wang, faedah, anak wang: ~ *yang dikehendaki oleh pinjaman Amerika sebanyak 5% itu seharusnya tidak perlu*; 5. ki sesuatu yang dianggap cantik (indah dan lain-lain) yang dapat disifatkan seperti kembang: *kecantikan parasnya sudah cukup untuk menjadikan dia ~ majlis dalam perkumpulan*; 6. alamat atau tanda akan bermulanya sesuatu peristiwa dan lain-lain: *pengetahuan yang diperolehnya itu subur mengeluarkan bukan setakat ~ ~ kekacauan malah menghasilkan juga penyelewengan*; ~ *angin* ribut permulaan: ~ *api* a) nyala api yang berterbangan (meloncat); b) = *kembang* ~ sejenis mercun yang mengeluarkan api yang merupakan **bunga** (lukisan dan lain-lain); ~ *bahasa* ungkapan yang terdiri daripada kiasan (simpulan bahasa dan peribahasa) untuk memperindah percakapan; ~ *baki hutang* (Ekonomi) **bunga** atau bahagian pinjaman yang belum dilunaskan; ~ *bangsa* pemuda harapan bangsa; ~ *barah* (puru, kusta) bintik putih-putih pada kulit tanda mulai dihinggapai penyakit barah dan lain-lain; ~ *betina bunga* yang berpistil sahaja; ~ *biasa* = ~ *tepat bunga* mudah yang dikira berdasarkan 360 hari setahun: ~ *bibir* a) kata-kata yang manis; b) buah mulut; ~ *buatan bunga* yang dibuat daripada kertas (plastik dan lain-lain); ~ *butang* sejenis tumbuhan (herba), pokok serunai, serunai laut, *Wedelia biflora*; ~ *dua jantina bunga* yang stamen dan pistilnya terdapat pada kuntum yang sama; ~ *dulu betina bunga* yang pistilnya lebih dahulu masak daripada stamen; ~ *dulu jantan bunga* yang stamennya lebih dahulu masak daripada pistil; ~ *jantan bunga* yang berstamen; ~ *karang* sejenis tumbuh-tumbuhan pada karang; ~ *kehidupan* kesenangan hidup; ~ *kekasar* sejenis tumbuhan (pokok yang berbuah), gajus (kajus), jambu monyet (golok, iros, terung), *Anacardium occidentale*; ~ *kertas* a) **bunga** yang

dibuat daripada kertas (untuk perhiasan rambut dan lain-lain); b) sejenis tumbuhan (pokok yang **berbunga**), *Bougenvillea* sp.; ~ *ketar bunga* kertas pada dawai (perhiasan rambut pengantin perempuan); ~ *kuku* bahagian yang putih pada pangkal kuku; ~ *kundai* (sanggul, sisir) **bunga** buatan untuk perhiasan kundai (sanggul, sisir); ~ (*se*) *lempak* sekuntum **bunga** yang mempunyai salut, ranggi, stamen dan pistil; ~ *mas* a) **bunga** yang dibuat daripada emas; b) sejenis **bunga** daripada emas yang dahulu diberikan oleh Sultan Kedah sebagai ufti kepada Raja Siam; ~ *mudah* (Ekonomi) **bunga** yang dikira dengan mendarabkan kadar **bunga** tahunan dengan jumlah pokok; ~ padi a) **bunga** pokok padi; b) sejenis jahitan; ~ *pasir* pasir halus-halus yang terapung di permukaan air; ~ pending tepi pada bakul; ~ *rampai* a) beberapa jenis **bunga** harum yang diceraikan kelopaknya dan dicampur dengan daun panda yang dihiris halus-halus; b) kumpulan cerita yang baik-baik; c) lagu-lagu pilihan; ~ *raya* a) sejenis tumbuhan (pokok dan **bunganya**), kembang sepatu *Hisbiscus rosa sinensis*; b) perempuan jalang; ~ *sejantina* **bunga** yang stamen dan pistilnya terdapat pada kuntum **bunga** yang berlainan; ~ *sena* a) **bunga** pokok sena; b) Kl nira nyiur sewaktu mulai menggelegak (pada masa membuat gula melaka); ~ *serunai* a) **bunga** teluki; b) sejenis tumbuhan yang **berbunga** kuning, *Wedelia biflora*; c) Ml cincin yang dibawa sewaktu pergi meminang sebagai tanda bertanya; ~ *sinar* ranggi pada jenis **bunga** matahari; ~ *sirih* Pl sirih pengantin; ~ *tanah* lapisan tanah sebelah atas yang subur; (akar) ~ *tanjung* sejenis tumbuhan (pokok memanjat), akar perah, akur, *Illigera appendiculata*; ~ *telur* telur yang dihadiahkan kepada tetamu yang hadir dalam sesuatu majlis perkahwinan (biasanya diberi bertangkai dan disertai dengan hiasan **bunga** atau diberi berbekas); ~ *bukan sekuntum* = *kalau* ~ *tidak sekuntum* = ~ *tak sekaki*, *kumbang tak seekor* peribahasa laki-laki atau perempuan itu tidak seorang sahaja di dunia ini; ~ *dipersunting, sudahnya akan layu juga* peribahasa sesuatu yang dipakai akhirnya akan buruk (baru dikasihi, sudah lama terbuang); ~ *dipetik, perdu ditendang* = ~ *nya dipersunting pangkalnya diberaki* peribahasa isteri dikasihi, mentua dibenci (gemar akan hak orang, tetapi orang itu dibenci); ~ *gugur, putik pun gugur, tua gugur masak pun gugur* peribahasa setiap manusia akan mati (baik muda mahupun tua); ~ *kembang berbalik kuncup* peribahasa mula-mula mahu menurut, kemudian ingkar; ~ yang harum itu ada durinya peribahasa yang megah itu ada juga cacat celanya; ~ *yang layu balik kembang* peribahasa tatkala ternyata kebenaran seseorang yang tertuduh; *buang* ~ *ke jirat* peribahasa berbudi kepada seseorang yang mengenang (memerlukan) budi orang; *di mana* ~ *yang kembang, di situ kumbang yang banyak* di mana ada

perempuan cantik, di situ ramai laki-laki; *kalau dicampak dengan ~ tak akan dibalas dengan tahi* peribahasa kalau kita berbuat baik kepada orang, tidak akan dibalasnya dengan kejahatan; *laksana ~ dedap; sungguh merah berbau tidak* peribahasa orang yang elok tampan tetapi tiada berbudi; *laksana kera mendapat ~* peribahasa tiada dapat menghargai barang yang bagus; *lempar ~ dibalas dengan lempar tahi* peribahasa kebaikan dibalas dengan kejahatan; *sayang ~ layu dipohon* peribahasa perihal gadis yang tiada bersuami sehingga tua; *sebab kasih akan ~ setangkai, dibuang ~ seceper* peribahasa kerana kasih seseorang disia-siakan orang yang banyak; *umpama kasihkan ~ seceper; terbuang ~ sekaki* peribahasa kerana kasihan kepada orang banyak, disia-siakan kaum yang seorang; *seperti ~, sedap dipakai layu dibuang* peribahasa dikasihi semasa muda, dibenci apabila tua (perempuan dan lain-lain)

Berdasarkan makna **bunga** yang diberikan oleh *Kamus Dewan* di atas, turut dimuatkan sejumlah peribahasa yang mengandungi perkataan bunga yang membawa pelbagai fungsi leksikal bagi perkataan bunga. Makna konsep perkataan bunga berdasarkan makna di atas boleh disenaraikan seperti yang berikut:

1. Bahagian tumbuhan.
2. Lukisan.
3. Bahagian permukaan tayar.
4. Wang bayaran tambahan.
5. Kiasan.
6. Alamat atau tanda.

Jika diteliti penggunaan kata **bunga** yang terdapat dalam senarai korpus, makna konsep bunga mungkin dapat dilihat kepelbagaianannya. Namun disebabkan kertas ini hanya meneliti fungsi leksikal **bunga** yang terdapat dalam simpulan bahasa dan peribahasa bahasa Melayu, maka makna konsep bunga tidak akan dihuraikan dengan mendalam.

Yang berikut ialah peribahasa dan simpulan bahasa yang mengandungi perkataan bunga yang diambil daripada empat sumber, iaitu daripada buku *Malay Saying* (MS), buku *Malay Proverb* (MP), *Kamus Peribahasa Melayu* (KPM) dan Laman Web Dewan Bahasa dan Pustaka (Karyanet.com.my). Peribahasa dan simpulan bahasa tersebut ialah:

1. **Bunga** dipetik perdu ditendang (MS:13).
2. **Bunganya** disunting, perdunya diberakkan (585:KPM:64).

Dalam peribahasa di atas, **bunga** membawa maksud seorang gadis yang dikahwini tetapi keluarganya disingkirkan. Peribahasa ini membawa maksud sesuatu yang diperoleh daripada sumber tertentu tetapi setelah diperoleh sumber tersebut dibuang atau disingkirkan. Hal ini sering berlaku kepada keluarga seseorang gadis pada zaman dahulu yang telah berumah tangga. Selepas berumah tangga, gadis tersebut biasanya akan dibawa tinggal bersama suami atau mentua. Selepas berpindah ke rumah suami atau mentua, biasanya mereka tidak dibenarkan pulang atau menjenguk ibu bapa mereka sendiri. Antara *perdu ditendang* dan *perdu diberakkan* juga membawa dua maksud yang berbeza, yang pertama membawa maksud keluarga yang dibuang, manakala yang kedua lebih kepada penghinaan kepada keluarga si gadis.

3. **Bunga** dipersunting sudahnya akan layu juga (584:KPM:64).

Peribahasa ini bermaksud, setiap benda yang elok lama-kelamaan akan menjadi buruk atau rosak. Peribahasa ini juga bermaksud seseorang gadis yang cantik apabila sudah berumah tangga akan menjadi tua dan akan hilang kecantikannya seiring dengan usia yang meningkat. Peribahasa ini juga membawa maksud bahawa benda yang baru, lama-kelamaan akan menjadi lama dan buruk juga.

4. **Bunga** bukan sekuntum, kumbang bukan seekor (LWDBP. Karyanet.com.my).

5. Kumbang bukan seekor, **bunga** bukan sekaki (1165:KPM:136).

Peribahasa di atas bermaksud bahawa dalam dunia ini lelaki dan perempuan adalah ramai. Peribahasa sebenarnya bertujuan memberi nasihat kepada mereka yang putus cinta atau bercerai kasih bahawa dalam kehidupan di dunia terdapat ramai orang yang boleh menjadi pengganti kepada yang hilang.

6. **Bunga** layu kembali kembang (586:KPM:64).

Peribahasa ini membawa maksud seseorang yang telah buruk namanya kembali baik apabila sesuatu kesalahan yang dipertuduhkan kepadanya terbukti tidak dilakukan oleh yang dituduh. Peribahasa ini sebenarnya untuk orang yang difitnah membuat jahat tetapi sebenarnya tidak melakukan perbuatan yang diperkatakan itu.

7. **Bunga** kembang kembali kuncup (587:KPM:65).

8. **Bunga** kembang berbalik kuncup (MS:89).

Peribahasa ini pula membawa maksud yang bertentangan dengan peribahasa 5 di atas. Peribahasa ini membawa maksud seseorang yang sedang naik namanya, tiba-tiba menjadi buruk akibat daripada perbuatan atau kesilapan sendiri.

9. Seperti **bunga** raya kembang pagi (1647:KPM:191).
10. Seperti **bunga** mawar, tatkala penuh dengan embun yang kena sinar mentari pagi (59:MP:32).

Kedua-dua peribahasa di atas membawa maksud wajah seseorang gadis yang sangat cantik dan jelita, sama seperti bunga raya yang merah berseri pada waktu pagi, begitu juga dengan bunga mawar yang kembang cantik di pagi hari.

11. **Bunga** gugur, putik pun gugur, tua gugur, masak pun gugur (588:KPM:65).

Peribahasa di atas membawa maksud dalam perjalanan hidup manusia tiada sesiapa pun yang dapat lari daripada ajal dan maut, sama ada dalam usia bayi, muda ataupun tua, apabila sampai ajal, semua akan mati. Peribahasa ini bertujuan memberi peringatan kepada manusia tentang ajal dan maut yang tidak mengenal usia tua ataupun muda.

12. **Bunga** yang layu tidak diseri kumbang (592:KPM:65).

Peribahasa di atas membawa maksud gadis yang telah rosak tidak akan dikahwini oleh mana-mana lelaki. Peribahasa ini bertujuan memberi peringatan kepada anak gadis supaya menjaga kehormatan mereka kerana gadis yang tidak baik sukar untuk memperoleh suami.

13. **Bunga** yang harum itu ada durinya (589:KPM:65).

Peribahasa ini membawa maksud bahawa setiap benda yang cantik dan baik ada juga cacat dan celanya. Peribahasa ini juga bermaksud seseorang yang ternama atau mulia itu juga kadangkala turut melakukan kesalahan atau kesilapan.

14. **Bunga** digonggong kumbang (MS:41).

Peribahasa ini membawa maksud sesuatu yang telah diambil orang tak mungkin akan dilepaskan kembali.

15. Buang **bunga** ke jirat (MS:219).
16. Tabur **bunga** ke jirat (1856:KPM:214).

17. Buang **bunga** ke perkuburan (564:KPM:62).
18. Menabur **bunga** di atas kubur (1397:KPM:162).

Peribahasa di atas membawa dua maksud, yang pertama bermaksud membuat jasa atau kebaikan tanpa mengharapkan sebarang balasan, manakala yang kedua bermaksud berbudi kepada sesuatu yang tidak tahu erti budi tersebut.

19. Naik kuda tabur **bunga** (MP:155).

Peribahasa ini juga mempunyai maksud yang lebih kurang sama dengan peribahasa 15, 16, 17, dan 18 di atas, iaitu mengisahkan perbuatan yang sia-sia.

20. Kalau dicampakkan **bunga**, takkan dibalas dengan tahi (1059:KPM:124).

Peribahasa ini membawa maksud keyakinan seseorang dalam membuat jasa bahawa setiap kebaikan yang dilakukannya tidak akan dibalas dengan kejahatan.

21. Dilempar **bunga** dibalas lempar tahi (MS:56).

Peribahasa ini bermaksud berbudi dengan seseorang yang tidak tahu menghargai budi tersebut, malahan kebaikan yang diberi dibalas pula dengan kejahatan. Peribahasa ini lebih kurang sama maksudnya dengan peribahasa *melepaskan anjing tersebut*.

22. Laksana **bunga** dedap, sungguh merah berbau tidak (1207:KPM:141).

Peribahasa ini membawa maksud seseorang atau sesuatu yang cantik atau elok tetapi tidak mempunyai apa-apa kelebihan, atau juga seseorang yang tampan dan cantik tetapi tidak berbudi bahasa.

23. Daripada hidup berlumur tahi, baiklah mati bertimbun **bunga** (670:KPM:75).

Peribahasa ini membawa maksud dalam menjalani kehidupan manusia haruslah berbuat baik dan menjaga nama agar tidak mati dalam keadaan yang hina.

24. Berguru kepalang ajar, bagai **bunga** kembang tak jadi (LWDBP. Karyanet.com.my).

Peribahasa ini membawa nasihat bahawa sesuatu pelajaran yang tidak sempurna dipelajari tidak akan mendatangkan faedah kepada orang yang belajar.

25. Laksana kodok dapat **bunga** sekuntum (LWDBP. Karyanet. com. my).

Peribahasa di atas bermaksud seseorang yang tidak tahu menghargai sesuatu yang diberikan kepadanya, dan juga bermaksud perbuatan yang sia-sia kerana memberikan sesuatu kepada orang yang tidak tahu menghargainya.

26. Laksana kera dapat **bunga** (1208:KPM:141).
27. Jangan memberi **bunga** kepada monyet (982:KPM:114).

Peribahasa ini lebih kurang sama maksudnya dengan peribahasa 25 di atas. Cuma dalam peribahasa ini maksudnya lebih ditumpukan kepada orang yang tidak tahu menghargai sesuatu yang baik, atau orang yang tidak tahu menghargai budi baik orang terhadapnya, kerana benda atau budi yang ditaburkan hanya akan rosak dan sia-sia sahaja.

28. Sayangkan **bunga** sekaki terbuang **bunga** seceper (MS:191).

Peribahasa ini membawa maksud kerana memilih seorang perempuan, maka keluarga diketepikan.

29. Jauh berbau **bunga**, dekat berbau tahi (999:KPM:116).

Peribahasa ini membawa maksud kasih sayang saudara yang duduk berjauhan adalah lebih baik daripada yang duduk berhampiran, kerana apabila sering berjumpa akan membawa kepada perselisihan dan pergaduhan.

30. Sudah dapat gubah dikarang, **bunga** sekaki dicampak buang (MS:74).
31. Sudah dapat **bunga** dikarang, **bunga** sekaki dicampakkan (1829:KPM:210).

Peribahasa di atas membawa maksud apabila bertemu dengan sesuatu yang lebih elok, benda yang sudah ada tidak dipedulikan lagi, peribahasa ini sama maksudnya dengan peribahasa *sudah dapat gading bertuah, tanduk tidak berguna lagi*.

32. Mandi di telaga jalan, bersunting **bunga** tahi ayam.

Peribahasa ini bermaksud orang yang suka berfoya-foya dengan perempuan jahat akhirnya akan dapat benda yang tidak baik juga. Peribahasa ini ditujukan kepada lelaki yang suka mencari perempuan murah atau pelacur.

33. Banyaklah **bunga** kembang di kebun, setangkai sahaja membawa gila (40:MP:28).

Peribahasa ini membawa maksud betapa sukarnya ibu bapa untuk memelihara anak gadis yang ramai, sekiranya seorang pun sudah banyak memberikan masalah kepada keluarga.

34. Seperti **bunga** segar dipakai, layu dibuang (1637:KPM:190).

Peribahasa ini membawa pengertian tentang kasih sayang yang tidak kekal, sekiranya berlaku sesuatu yang buruk maka kasih sayang tersebut dengan segera bertukar kepada benci.

35. Lawak-lawak main **bunga** tahi (LWDBP. Karyanet.com.my).

Peribahasa ini membawa maksud dalam gurauan dengan menggunakan perkataan yang kurang elok dan tidak sopan akan menjadi perbalahan dan terkena pada diri sendiri.

36. Sayang **bunga** layu dipohon (1854:KPM:213).

Peribahasa ini bermaksud seorang gadis yang tidak bersuami hingga tua.

37. Hendak bersuntingkan **bunga** mala (867:KPM:100).

Peribahasa ini bermaksud seseorang lelaki yang ingin beristerikan gadis yang berumur, atau anak dara tua.

38. Hendak bersuntingkan **bunga** yang belum diseri kumbang (877:KPM:101).

Peribahasa ini bermaksud seseorang yang ingin memperisteri seorang perempuan yang belum pernah berkahwin, atau anak dara.

39. Seperti **bunga** di dalam cermin, dipandang dapat dipetik tak boleh (MP:61).

Peribahasa ini bermaksud sesuatu yang cantik yang hanya boleh dilihat tetapi tidak boleh dipegang atau diperoleh.

40. Mabuk **bunga** selasih (MP:131).

Peribahasa ini bermaksud seseorang yang menyukai atau menggilai sesuatu tanpa menghiraukan keadaan sekeliling, sama juga seperti dalam peribahasa *mabuk kepayang*.

41. **Bunga** bangsa (BB:72:265).

Peribahasa di atas membawa maksud pemuda dan pemudi yang menyerahkan jiwa raga mereka untuk berbakti kepada negara dan bangsa.

42. **Bunga** bahasa (BB:72:266).

Peribahasa di atas bermaksud susunan perkataan yang dipilih dengan teliti sesuai dengan irama, lagu dan kiasan yang digunakan ketika berbahasa.

43. **Bunga** lalang (BB:72:267).

Peribahasa di atas bermaksud seseorang yang sudah tua dan penuh uban di kepalanya.

44. **Bunga** dedap (BB:72:268).

Peribahasa ini bermaksud seorang perempuan yang cantik rupa parasnya tetapi tidak tahu menguruskan diri dan rumah tangga.

45. Makan **bunga** (LWDBP. Karyanet.com.my).

Kiasan di atas bermaksud syarikat atau bank yang mengenakan kadar faedah yang tinggi terhadap pinjaman yang diberikan.

46. Mandi **bunga** (LWDBP. Karyanet.com.my).

Kiasan di atas bermaksud upacara mandi yang dilalukan bagi membuang nasib tidak baik dalam kalangan gadis yang sukar menemui jodoh.

47. Apa guna **bunga** di taman, jika tidak diberi kumbang menyeri (107:KPM:12).

Peribahasa di atas bermaksud, anak gadis yang dipelihara tidak akan berguna sekiranya tidak dibenarkan bersuami.

48. Bagaimana kumbang jinak tidak terbang berlegar, jika tidak kerana **bunga** kembang di taman (264:KPM:28).

Peribahasa di atas bermaksud di mana ada gadis yang cantik sudah

tentu akan ada lelaki yang akan datang untuk mengurat.

49. Laksana kumbang menyeri **bunga**, kumbang terbang **bunga** pun layu.

Peribahasa ini bermaksud seorang lelaki yang suka mempermainkan perempuan, apabila puas, perempuan tersebut akan ditinggalkan merana seorang diri.

50. Bersunting **bunga** keduduk, berdiri tak sama tinggi, duduk tak sama rendah (548:KPM:60).

Peribahasa ini membawa maksud pasangan suami isteri yang berlainan darjat atau kedudukan.

51. Jika **bunga** tidak hendak dipersunting, boleh dibuat peraksi kain (1013:KPM:117).

52. Laksana **bunga** jadi perasi (181:MP:47).

Peribahasa di atas membawa maksud perempuan yang baik budi bahasa, sekiranya tidak bersuami elok dijadikan pengasuh atau pembantu rumah. Peribahasa ini sesuai ditujukan kepada gadis atau perempuan zaman dahulu yang elok rupa paras dan berbudi bahasa tetapi tidak menemui jodoh, maka perempuan tersebut elok diambil bekerja di rumah.

Secara umum, kebanyakan perkataan **bunga** yang wujud dalam peribahasa dan simpulan bahasa Melayu melambangkan seseorang gadis atau perempuan tanpa mengira umur. Untuk melambangkan gadis, perkataan **bunga** sering kali akan berkolokasi dengan perkataan *kumbang*, *taman*, *petik* atau *sunting*. Perkataan **bunga** juga akan berfungsi menggambarkan kecantikan wajah seseorang perempuan apabila berkolokasi dengan perkataan-perkataan seperti *kembang*, *merah* yang selalunya diikuti oleh jenis **bunga** yang cantik seperti *bunga raya* atau *bunga mawar*. Perkataan **bunga** juga akan berfungsi sebagai perempuan tua apabila berkolokasi dengan perkataan seperti *mala* atau *layu*.

Fungsi perkataan **bunga** yang seterusnya ialah sebagai melambangkan budi atau jasa seseorang. Penggunaan perkataan **bunga** dalam peribahasa dan simpulan bahasa bertujuan menunjukkan bahawa setiap perbuatan atau perkara yang berlaku mempunyai hikmah yang tersendiri. Jelas bahawa bagi memperkatakan budi ini, perkataan **bunga** banyak berkolokasi dengan kata kerja. Misalnya seperti *buang bunga*; *campak bunga*; *dapat bunga*; *tabur bunga*. **Bunga** yang melambangkan budi ini akan berkolokasi dengan

perkataan seperti *kera*, *kubur*, *jirat*, *kodok* yang tidak tahu langsung kegunaan *bunga*. **Bunga** dalam peribahasa ini berfungsi menunjukkan bahawa setiap perbuatan yang baik tidak seharusnya mendapat balasan sebaliknya, namun terdapat juga perkara yang baik akan diberi balasan yang buruk, begitu juga mengenai perbuatan yang sia-sia apabila dilakukan tidak akan memberikan sebarang faedah atau keuntungan, sebaliknya hanya membuang masa dan merugikan sahaja.

Perkataan *bunga* juga berfungsi menjelaskan nasib apabila berkolokasi dengan perkataan seperti *kembang*, *kuncup*, *layu*. Misalnya dalam ungkapan *bunga kembang berbalik kuncup*; *bunga layu menanti kembang* yang menggambarkan nasib seseorang yang malang. Selain itu, perkataan *bunga* juga boleh berfungsi bagi melambangkan nama baik seseorang apabila berkolokasi dengan perkataan seperti *layu* dan diikuti oleh perkataan *kembang*, misalnya dalam *bunga layu kembali kembang*, yang menggambarkan seseorang yang telah tercemar namanya dapat dibersihkan semula. Begitu juga dengan simpulan bahasa *mandi bunga* yang melambangkan **bunga** sebagai nasib malang.

Fungsi leksikal seterusnya yang boleh dilihat dalam perkataan *bunga* ialah sebagai benda atau barang yang digunakan. Perkataan *bunga* akan membawa fungsi leksikal sebagai barang apabila berkolokasi dengan perkataan-perkataan seperti *segar dipakai*, *layu dibuang*; *laksana bunga jadi perasi*, yang menunjukkan maksud barang yang baharu sedap digunakan, apabila sudah buruk tidak akan berguna lagi, begitu juga bagi menunjukkan bahawa apabila tiada kegunaan, boleh sahaja dibuat sebagai pelengkap kepada sesuatu benda.

Bunga juga turut berfungsi sebagai nyawa atau manusia apabila berkolokasi dengan perkataan *gugur* seperti yang terdapat dalam ungkapan *bunga gugur*, *putik pun gugur*, *tua gugur*, *masak pun gugur*. Pemilihan perkataan *bunga* sebagai melambangkan nyawa atau kehidupan manusia ini amat indah kerana diluahkan dengan mengambil sistem kehidupan yang dapat dilihat daripada proses pertumbuhan pokok atau tumbuhan. **Bunga** juga turut berfungsi melambangkan nama baik seseorang apabila berkolokasi dengan kata adjektif *bau*. Misalnya, *jauh bau bunga*, *dekat bau tahi*; *daripada mati bertimbun tahi*, *baik mati bertimbun bunga*.

Bunga turut berfungsi sebagai wang tambahan apabila berkolokasi dengan perkataan *makan*, seperti yang terdapat dalam kiasan atau simpulan bahasa *makan bunga*. Selain itu, secara keseluruhannya, **bunga** lebih banyak berfungsi sebagai mewakili anak gadis, perempuan dan jasa baik. Sesuai dengan realiti **bunga** itu sendiri, pemilihan perkataan *bunga* dalam simpulan

bahasa dan peribahasa bahasa Melayu amat sesuai dengan konsep dan konteks maksud yang ingin disampaikan.

KESIMPULAN

Peribahasa atau simpulan bahasa merupakan warisan khazanah bahasa dan bangsa Melayu yang tinggi nilainya. Penggunaan peribahasa dan simpulan bahasa dalam kehidupan telah membentuk budi pekerti dan budi bahasa yang halus dan indah di kalangan masyarakat tradisi yang kini sudah semakin dipinggirkan. Peribahasa dan simpulan bahasa hari ini hanyalah secebis mata pelajaran yang diselitkan dalam subjek bahasa Melayu di sekolah-sekolah, dan hanya dipelajari oleh masyarakat hari ini sekadar untuk memenuhi keperluan pendidikan.

Jika diteliti setiap aspek yang terkandung dalam peribahasa dan peribahasa melambangkan satu falsafah hidup yang tinggi, yang amat menitikberatkan kehidupan dan budi pekerti manusia yang dikaitkan dengan alam sekeliling. Keindahan dan kehalusan penggunaan kata dalam peribahasa dan simpulan bahasa jelas menunjukkan bahawa dengan penggunaan perkataan yang halus bukan sahaja dapat memelihara jiwa dan perasaan pendengar, bahkan dapat mengajar manusia agar berfikir dengan lebih mendalam dalam melakukan sesuatu. Arah manakah peribahasa dan simpulan bahasa akan ditujukan? Hanya masyarakat pengguna bahasa itu sahaja yang dapat menentukannya.

Keunggulan pemikiran dan daya kekreatifan masyarakat Melayu dalam menyusun simpulan bahasa dan peribahasa yang indah yang digunakan sebagai satu wahana dalam memberikan nasihat, pengajaran, sindiran dan pujian yang halus ini sebenarnya menyerlahkan nilai-nilai budaya tinggi yang dimiliki oleh masyarakat Melayu itu sendiri. Walaupun kelihatan penggunaan simpulan bahasa dan peribahasa semakin terpinggir, namun sebagai masyarakat yang memiliki bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, kita seharusnya tidak mengetepikan penggunaan peribahasa begitu sahaja, kerana setiap manusia mempunyai hati dan perasaan yang berbeza, kadangkala peribahasa penting untuk memberikan kesedaran dan keinsafan kepada masyarakat kita, terutama masyarakat Melayu sendiri.

RUJUKAN

- Abbas Mohd Shariff, 2002. *Budaya dan Falsafah Orang Melayu*. Singapura: EDN Media Publication.
- Abdullah Yusof. “Pemeriksaan Bahasa Melayu Melalui Data Korpus Berkomputer” dlm. *Dewan Bahasa* 2:6, hlm. 24–30, Jun 2002.
- Asmah Hj. Omar, 2002. *Setia dan Santun Bahasa*. Tanjung Malim: Penerbitan UPSI.
- Brown, C.C., 1951. *Malay Saying*. Singapura: Asia Pacific Press.
- Cowie, A.P. (ed.), 1998. *Phraseology: Theory, Analysis, and Applications*. United Kingdom: Oxford University Press.
- Darus Ahmad, 1962. *Kamus Peribahasa Melayu*. Pulau Pinang: Penerbit Buku-buku Pelajaran Melayu.
- Harun Mat Piah, 1999. *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim bin Atin, 1959. *Perbilangan*. Penang: Penerbit Sinaran Bros.
- Jackson, H. dan Etienne Ze Amvela, 2000. *Words, Meaning and Vocabulary*. New York: Cassel Pub. London.
- Kahane, Sylvain, 2001, “Formal Foundation Of Lexical Function” dlm. Laman Web <http://www.olst.umontreal.ca/FrEng/SKAPolColloc>.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia*, 1999. Balai Pustaka, Jakarta, Indonesia.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*, 1996. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Md Desa Pachee, 1955. *Lidah Pendeta dan Peribahasa Sedunia*. Pulau Pinang: Penerbit Buku-buku Pelajaran Melayu.
- Melcuk I. A., 1996. “Lexical Function: A Tool For The Description of Lexical Relation in A Lexicon” dlm. Wanner, L. (Ed.). 1996. *Lexical Functions in Lexicography and Natural Language Processing*. Amsterdam: J. Benjamins.
- Mohamed Din bin Ali, 1956. *Samban Chakap dan Pepatah ‘Adat Melayu*. Kuala Lumpur: The Economy Printers Limited.
- Mubin Sheppard, 1992. *The MBRAS Book Of Over 1600 Malay Proverbs with Explanation in English*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Muhammad Hj. Hussain, tiada tarikh. *Kata Orang Tua-tua*. Pulau Pinang: Penerbit Sinaran Bros.
- Renouf, A., 1987. Corpus Development dlm. *Looking Up*. United Kingdom: Collins Publishers.
- Rosamund Moon, 1998. *Fix Expression and Idioms in English*. Oxford: Claderon Press.
- Shellabear, W.G., 1964. *Kitab Kiliran Budi*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Sibarani, R., 2002. “Penggunaan Peribahasa Sebagai Jati diri Wacana Bahasa” dlm. *Pemikiran Melayu tentang Alam dan Hakikat Diri*, Prosiding Kolokium Bahasa dan Pemikiran Melayu/ Indonesia II, hlm. 373–385, 2002.
- Sinclair, J.M., 1991. *Corpus, Concordance, Collocation*. Oxford: Oxford University Press.

SALINAH JAAFAR

Stubbs, M., 2002. *Words and Phrases*. Oxford: Blackwell Publishers Ltd.

Wanner, L. (ed.), 1996. *Lexical Functions in Lexicography and Natural Language Processing*. Amsterdam: J. Benjamins

Zainal Abidin Ahmad, 1962. *Pelita Bahasa Melayu: Permulaan Nahu Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.